Berita Harian - Moody's Naikkan Unjuran Harga Minyak

Khamis, Mac 15 2018

Moody's naikkan unjuran harga minyak

BH 15/3.

Sekatan OPEC, permintaan global kukuh pacu kenaikan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Moody's Investors Service menaikkan unjuran harga minyak mentah jangka sederhana kepada antara AS$45-AS$65 satu tong daripada AS$40-AS$60 satu tong.

Bahagian penyelidikan agensi penarafan global itu berkata, kenaikan harga itu didorong sekatan pengeluaran Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang berterusan dan pertumbuhan permintaan global yang kukuh.

Kedua-dua faktor berkenaan menyumbang kepada penurunan stok minyak mentah global, sekali gus mengimbangi peningkatan pesat pengeluaran syal Amerika Syarikat (AS).

Pada masa sama, katanya, Moody's mengekalkan unjuran harga gas asli untuk Amerika Utara mengikut ukuran Henry Hub, ukuran utama industri bagi harga gas asli, pada AS$2.50 hingga AS$3.50 per juta unit termal British (MMBtu).

Namun, ia menaikkan harga cecair gas asli (NGL) kepada antara AS$20 hingga AS$30 satu tong daripada AS$19 hingga AS$27 satu tong.

"Harga ini jika meningkat melebihi paras separuh teratas dalam jajaran berkenaan, akan menggalakkan pertambahan bekalan, meningkatkan pengeluaran dari AS, serta mengurangkan pematuhan kuota pengeluaran negara pengeluar lain," kata Naib Presiden Kanan Moody's, Terry Marshall.

> Pengurangan inventori minyak mentah global menyumbang kepada harga minyak yang lebih tinggi,"
>
> ***Terry Marshall,***
> *Naib Presiden Kanan Moody's*

Unjuran jangka sederhana

Katanya, jika harga minyak mentah mencecah paras tertinggi dalam jajaran unjuran paras harga baharu, iaitu AS$45-AS$65 lebih awal dalam tahun ini, namun pihaknya menjangka harga akan kekal dalam jajaran ini untuk jangka sederhana.

"Unjuran jangka sederhana sebagai pertimbangan harga yang paling relevan apabila menilai prestasi kewangan dan penarafan untuk syarikat pengeluar dan negara pengeksport minyak.

"Penekanan pada pelbagai hasil dalam lingkungan harga itu membantu menilai daya tahan terhadap kemeruapan harga dan penilaian kredit untuk syarikat milik kerajaan yang diberikan," katanya.

Harga minyak mengukuh sejak perjanjian OPEC pada November 2016 untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 1.2 juta tong sehari (bpd), sementara ahli bukan OPEC, yang diketuai oleh Russia, bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 558,000 tong sehari.

Penganalisis mendapati OPEC berjaya mematuhi sekatan pengeluaran dengan sangat baik apabila jumlah keseluruhan pemotongan disumbang oleh Arab Saudi melebihi sasarannya manakala Venezuela turut melebihi sasarannya berikutan masalah domestik.

Hasilnya, kata Marshall, pengurangan inventori minyak mentah global menyumbang kepada harga minyak yang lebih tinggi.

Sektor kewangan Islam

Dalam pada itu, Moody's dalam kenyataan berasingan berkata, pertumbuhan sektor kewangan Islam akan terus mengatasi aset konvensional merentas seluruh pasaran kewangan Islam teras, pada tahun-tahun akan datang, memandangkan permintaan ke atas instrumen kewangan yang mematuhi syariah, meningkat.

Penembusan perbankan Islam di negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC), menambah 45 peratus daripada keseluruhan pasaran perbankan sehingga September 2017 berbanding 31 peratus pada 2008.